

CNS9876

U GB 21-03 00189 BA294

aab

Mahathir - Proton (Bergambar)

MALAYSIA PERLU MENGAMBIL LANGKAH LEBIH BESAR, KATA DR MAHATHIR

I

KUALA LUMPUR, 21 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menegaskan perlunya Malaysia mengambil langkah yang lebih besar dalam industri pembuatan kereta sebagai usaha mengejar negara-negara lain.

Semasa berucap dan juga semasa bercakap kepada pemberita selepas melancarkan sebuah buku mengenai kereta nasional di sini, Perdana Menteri berkata usaha-usaha seperti itu perlu diambil kerana Malaysia masih ketinggalan berbanding dengan banyak negara lain dalam sektor itu.

"Saya sentiasa mahu sesuatu perkara dilakukan lebih cepat kerana kita ketinggalan berbanding dengan mereka. Hanya ada satu cara untuk mengejar mereka iaitu lari dengan lebih pantas daripada mereka yang anda kejar," kata beliau.

Katanya, walaupun rakan-rakan Jepun dalam projek kereta nasional suka mengingatkan Malaysia supaya "mengambil selangkah demi selangkah, saya lebih suka mengambil langkah yang lebih besar, itu sahaja".

"Ta masih merupakan selangkah demi selangkah. Kita boleh bekerjasama dengan rakan Jepun kita dengan baik tetapi mereka mesti faham jika kita mengambil langkah yang lebih besar kerana kita perlu mengejar mereka orang lain," katanya lagi. -- Lagi

♥21/03/17-04MST

U GB 21-03 00158 BA297

aab

Mahathir - Proton 2 Kuala Lumpur

Apabila diminta menamakan bidang-bidang khusus dalam industri kereta yang beliau fikir Malaysia perlu cuba mara ke depan, Dr Mahathir berkata enjin dan sistem gear sebagai bahagian yang paling kompleks yang perlu dikuasai oleh Malaysia.

"Sehingga kita boleh menguasai itu, sehingga kita boleh mencapai peringkat merekabentuk dan menghasilkan enjin kita sendiri kita masih belum lagi mencapai kemajuan dalam pembuatan kereta," kata beliau.

Beliau berkata walaupun rakan-rakan Jepun tidak menyatakan yang Malaysia perlu bertindak perlahan tetapi falsafah mereka membuat sesuatu selangkah demi selangkah adalah terlalu perlahan.

Sebagai penyelesaian, Perdana Menteri bercakap mengenai kemungkinan mendapatkan teknologi yang lebih kurang sama daripada negara-negara lain dan Proton telah pun menerima pelbagai tawaran daripada Eropah, Amerika Syarikat dan juga Jepun.

Ditanya sama ada ia bermaksud kereta-kereta Proton akan dipasang dengan enjin bukan daripada Mitsubishi, beliau berkata tiada keputusan seperti itu dibuat sehingga ini. -- Lagi

♥21/03/17-21MST

aab

Mahathir - Proton 3 Kuala Lumpur

Mengenai sama ada Malaysia bersedia untuk membuat enjinnya sendiri Dr Mahathir berkata: "Anda tidak boleh menentukan sama ada anda telah bersedia atau tidak sehingga anda mencubanya, selepas itu barulah anda mengetahui sejauh mana anda tahu dan tidak tahu," dan beliau menambah kata tiada tarikh ditetapkan untuk menghasilkan enjin sendiri.

Beliau juga menyentuh mengenai royalti yang Proton terpaksa bayar kepada Mitsubishi untuk kereta itu dan juga beberapa komponen yang menyumbangkan kepada kos pembuatan kereta itu.

"Saya tidak tahu dengan tepat berapa banyak royalti yang dibayar setiap tahun tetapi kita boleh mengurangkan harga (kereta Proton) jika kita tidak perlu membayar royalti itu. Anda dikenakan bayaran bila anda tidak tahu membuatnya sendiri. Anda perlu membeli barang-barang itu dan dengan itu harga kereta turut naik," kata beliau.

Dalam ucapannya Dr Mahathir berkata beliau gembira kerana Malaysia melangkah ke sektor pembuatan kerana keadaan di negara tidak mungkin sama hari ini jika hanya bergantung kepada komoditi-komoditi seperti bijih timah, getah dan kelapa sawit.

Mengenai buku yang di tulis oleh Peguam Datuk Tharu T. Tharumaganam, beliau berharap rakyat Malaysia boleh mengimbas kembali sejarah kereta itu dan ia juga boleh diterima pakai dalam industri-industri lain. -- Lagi

CNS9974

U GB 21-03 00177 BA301

aab

Mahathir - Proton 4 (Akhir) Kuala Lumpur

"Saya berharap kita boleh belajar bagaimana untuk mengambil risiko dan menceburi bidang-bidang yang bukan sahaja asing bagi kita tetapi ada kalanya tidak begitu mesra dengan kita tetapi satu hari nanti kita akan menguasai kemahiran ini dan akan menghasilkan barang-barang sendiri," kata beliau.

Tharu pula dalam ucapannya berkata semua hasil jualan buku setebal 128 muka surat dengan tajuk "Pembuatan Kereta Nasional- Bukan Hanya Impian" akan didermakan untuk membiayai pengajian kejuruteraan automatif dan teknologi di Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

Tharu, seorang peguam dengan pengkhususan dalam kewangan korporat dan pemerolehan korporat, merupakan salah seorang daripada sembilan orang anggota kumpulan perunding asal bagi projek Kereta Nasional Hicom yang merumuskan perkara-perkara usahasama dan perjanjian-perjanjian berkaitan dengan Mitsubishi Corporation pada 1983.

Beliau juga dilantik sebagai setiausaha bersama bagi lembaga pengarah Proton Bhd dan Hicom Bhd sejak penubuhan kedua-dua syarikat itu.

Buku itu yang berharga RM65 meringkaskan rasional, rumusan dan operasi-operasi Proton hari ini dalam konteks objektif dasar perindustrian kebangsaan. -- Bernama

JO PR SIA